

**ATE:** 01 MAY 2021  
**PUBLICATION:** BERITA HARIAN  
**SECTION:** BISNES  
**HEADLINE:** FAJARBARU TAMBAH PROJEK HARTANAH  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS

# Fajarbaru tambah projek hartanah

**Fajarbaru** Builder Group Bhd, syarikat pembinaan dan pembangunan hartanah bercadang melancarkan projek baharu menjelang separuh kedua tahun ini setelah keadaan pasaran bertambah baik.

Kumpulan itu baru-baru ini menyiapkan pembangunan sulungnya, Rica Residence @ Sentul seperti yang dijadualkan dan mula menyerahkannya pada pertengahan Mac tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Fajarbaru, Datuk Seri Eric Kuan Khian Leng, berkata bahagian hartanah kekal menjadi penyumbang pendapatan yang ketara bagi kumpulan selain perniagaan terasnya dalam pembinaan.

Beliau berkata, Fajarbaru mempunyai kepentingan pembangunan hartanah bukan hanya

di Malaysia tetapi juga di Australia.

“Meskipun pandemik COVID-19 menjelaskan segmen hartanah, sudah ada tanda positif bahawa keadaan pasaran akan bertambah baik dan kita dapat memanfaatkannya selagi boleh menyesuaikan diri dan berinovasi dengan sewajarnya,” katanya dalam satu kenyataan.

Rica Residence @ Sentul yang memiliki nilai pembangunan kasar (GDV) RM292.49 juta adalah pembangunan hartanah sulung Fajarbaru di Malaysia.

Walaupun syarikat berasal daripada latar belakang pembinaan, segmen pembangunan hartanah yang dilaksanakan di bawah anak syarikat milik penuhnya, Fajarbaru Land memepati janji mengenai kualiti kepada pelanggan pertamanya

dan memberikan nilai tambahan kepada pembeli dengan pemasangan lantai poliuretana (PU) untuk tempat letak kereta serta tiga stesen pengisian tenaga kenderaan elektrik (EV).

Kadar langganan terkini Rica Residence @ Sentul adalah 82 peratus, termasuk tempahan dan menyasarkan menjual unit selebihnya pada akhir 2021.

Fajarbaru juga akan meneliti kemungkinan melancarkan projek Rica Residence @ Kinrara pada 2021 yang berlandaskan konsep pembangunan kondominium.

Sementara itu, projek hartaanah di Melbourne, Australia pulak, pembangunan Paragon Queen Street dengan GDV sebanyak AU\$182.84 juta (RM583.92 juta) selesai baru-baru ini.

“Fajarbaru mempunyai kepentingan pembangunan hartanah bukan hanya di Malaysia tetapi juga di Australia.”



**Eric Kuan  
Khian Leng,  
Ketua Pegawai  
Eksekutif  
Kumpulan  
Fajarbaru**